

# Tentang terhadap apartheid isu penting ucapan Mahathir

ULASAN BERITA

Oleh  
Zainol Fakir

UM 11 OCT 1985

SOAL apartheid adalah  
sdi antara isu penting  
yang akan menjadi tema  
ucapan Perdana Menteri  
Datuk Sri Dr. Mahathir  
Mohamad di persidangan  
Ketua-ketua kerajaan  
negara-negara Komanwel  
di Nasau, Bahamas yang  
akan berlangsung pada 16  
hingga 19 Oktober ini.

Perdana Menteri adalah  
seorang dari empat pe-  
mimpin kerajaan negara  
Komanwel yang diberi  
keutamaan berucap selain  
daripada ketua kerajaan  
negara Zambia, Canada  
dan Australia.

Keyakinan pemimpin -

pemimpin negara Koman-  
wel terhadap Datuk Sri  
Dr. Mahathir dan Malay-  
sia mungkin disebabkan  
oleh pendirian negara ini  
terhadap soal apartheid.  
Bekas Perdana Menteri  
Tunku Abdul Rahman dan  
Allahyarham Tun Abdul  
Razak pernah menyuarakan  
pendirian Malaysia

terhadap masalah itu. Ma-  
laysia sekali lagi berpe-  
luang untuk menghuraikan  
pendirian terhadap per-  
soalan itu dan memberi  
cadangan - cadangan un-  
tuk merobohkan masalah  
apartheid yang menekan  
masyarakat kulit hitam di  
Afrika Selatan.

Rusuhan militan menen-

tang dasar apartheid di Af-  
rika Selatan terbit secara  
terbuka sejak dari tahun  
1976. Masyarakat kulit hi-  
tam yang berjumlah seram-  
mai 21 juta menjadi korb-  
an kepada dasar perkaum-  
an apartheid kerajaan kulit  
putih yang jumlahnya adal-  
ah hanya seramai empat  
juta sahaja.

Hingga kepimpinan ne-  
gara Afrika Selatan berada  
di bawah kepimpinan Pre-  
siden P.W.W. Botha ru-  
suhan menjadi serius apa-  
bila desakan untuk mem-  
banteras dasar apartheid ti-  
dak diacuhkan. Rakyat  
kulit putih di negara itu

merasa perbezaan kaum  
perlu dikekalkan. Dan ke-  
pimpinan Encik Pik Botha  
didesak oleh penduduk  
kulit putih untuk meng-  
ekalkan jurang politik,  
ekonomi, sosial di antara  
masyarakat kulit hitam  
dan putih di negara itu.

Tekanan-tekanan dari  
pemimpin kulit putih di  
Afrika Selatan menyebab-  
kan Presiden Botha tidak  
menghiraukan desakan du-  
nia supaya menyusun se-  
mula dasarnya mengenai  
kaum. Dalam ucapannya  
di Durban pada bulan  
Ogos yang lalu presiden  
itu berkata bahawa beliau

akan meneruskan sistem  
yang ada sekarang. Di  
samping itu Encik Botha  
pula memberi amaran un-  
tuk mengambil tindakan  
kepada orang-orang yang  
menghasut pemberonta-  
kan.

Kenyataan tersebut jelas  
membayangkan bahawa  
kerajaan kulit putih Afrika  
Selatan tidak menghirau-  
kan pandangan - pan-  
dangan yang diberi oleh  
pemimpin - pemimpin ne-  
gara Komanwel.

Dalam mesyuarat  
Menteri-Menteri Koman-  
wel (CHOGM) di London  
para tahun 1961 Perdana  
Menteri Afrika Selatan te-  
lah memohon untuk mene-  
ruskan menjadi anggota  
kesatuan itu setelah meng-

di Afrika Selatan walau-  
pun meningkat dari segi  
pembangunan adalah dise-  
lubungi oleh kegelapan  
dan kepahitan dan tidak  
membayangkan apa-apa  
harapan.

Di samping itu Alla-  
hyarham Tun Razak dan  
pemimpin Komanwel yang  
lain persetujuan bahawa ke-  
kurangan maklumat di ka-  
langan negara-negara anta-  
rabangsa menyebabkan  
keadaan di Afrika Selatan  
menjadi lebih buruk dan  
menjadi kian sukar untuk  
diatasi.

## Bangsa

Tetapi di akhir-akhir ini  
kesedaran, dunia antara-  
bangsa terhadap apartheid

isytiharkan kemerdekaan sendiri pada tahun yang sama tetapi telah dibantah oleh pemimpin Komanwel yang lain.

Tunku Abdul Rahman yang menganggotai persidangan itu menarik perhatian negara-negara anggota terhadap tujuan dan pengisytiharan keanggotaan negara-negara Komanwel. Dan sekiranya keahlian Afrika Selatan diterima maka kata Tunku "tujuan kesatuan negara-negara Komanwel tidak mempunyai makna dan akan hancur.

## Afrika

Malah pemimpin - pemimpin negara - negara Komanwel mempersoalkan kewajaran negara Afrika Selatan menjadi anggota Pertubuhan Negara - Negara Komanwel apabila melihat dasar kaum (apartheid) negara itu yang bertentangan dengan prinsip Komanwel.

Layanan terhadap rakyat bukan kulit putih oleh Kerajaan Afrika Selatan adalah tidak adil. Negara-negara Komanwel yang lain termasuk New Zealand dapat menyelesaikan masalah kaum di negaranya tetapi keadaan politik, sosial dan pelajaran di Afrika Selatan jelas adalah terlalu jauh jurangnya yang tidak pernah diizinkan oleh mana-mana negara pun.

Tunku juga menyeru pihak Komanwel mempertimbangkan kedudukan negara Afrika Selatan supaya keputusan yang dibuat tidak menjejaskan nilai moral yang menjadi asas pertubuhan Komanwel. Tunku menarik perhatian terhadap diskriminasi undang-undang negara itu yang memberi hak kepada orang - orang kulit putih yang mengganggu supaya menggantikan pekerja kulit hitam yang sedang berkhidmat.

Allahyarham Tun Abdul Razak juga menyuarakan bantahan terhadap dasar Afrika Selatan dalam persidangan CHOGM di Singapura pada tahun 1971. Allahyarham Tun Abdul Razak dengan berani menyatakan bahawa keadaan

di Afrika Selatan bertambah jelas. Dunia mengakui bahawa apartheid adalah satu doktrin yang paling dilaknati kerana pelaksanaannya seringkali dilakukan secara kejam.

Pemimpin - pemimpin dunia bebas pada umumnya telah melahirkan kekecewaan terhadap kepimpinan Presiden Pik Botha yang tidak melaksanakan langkah - langkah yang dijanjikan untuk memecah masalah apartheid yang berakar umbi di negara itu.

Selain daripada timbulnya kesedaran di kalangan pemimpin - pemimpin negara Komanwel untuk merobohkan kerajaan apartheid maka pemimpin - pemimpin Eropah dan Amerika juga kelihatan bersungguh - sungguh menentang dasar itu.

Presiden Reagan sendiri telah mengarahkan sekatan yang terhad kepada republik itu.

Apakala rusuhan kulit hitam menentang kerajaan apartheid kulit putih memuncak di beberapa bandar besar seperti di Sweto, Johannesburg, Durban, Cape Town, Uttenhage maka dunia bebas menjadi lebih sedar supaya perkauman yang kejam itu dirobohkan.

Ucapan Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir di persidangan ketua-ketua kerajaan di Nasau sekali lagi akan memperlihatkan tentangan Malaysia terhadap dasar yang terkutuk itu.

Dr. Mahathir tidak akan bertindak secara emosional untuk mendekati masalah apartheid di Afrika Selatan tetapi akan membuat syor-syor yang pragmatik yang boleh mendorong pakatan semua negara Komanwel dan dunia untuk membanteras masalah itu.

Dalam hal ini Malaysia lebih yakin kepada dorongan politik untuk mengajak kepimpinan putih menghormati kehendak majoriti rakyat di negara itu kerana tindakan untuk mengadakan sekatan ekonomi yang menyeluruh akan menambahkan masalah kepada masyarakat kulit hitam sendiri.